



Ahmad Zahid berucap pada **taklimat dan pameran Pelan Pengurusan Bencana Banjir** di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur, semalam.

(FOTO GHAZALI KORI/BH)

# Ketepi ideologi, kuasa bantu mangsa banjir

» **Agensi, jabatan berkaitan perlu siap siaga hadapi bencana: TPM**

**Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Akmal S Manaf**  
bhnews@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

**D**atuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menggesa semua pihak termasuk parti politik, mengetepikan perbezaan ideologi dan kuasa masing-masing, bagi memastikan mangsa banjir mendapat bantuan sewajarnya sekiranya bencana itu berlaku.

Timbalan Perdana Menteri ber-

kata, keutamaan harus diberikan kepada mangsa banjir kerana perbezaan ideologi dan perebutan kuasa mengenai siapa yang sepatutnya mengetuai penyaluran bantuan hanya akan menambah penderitaan mangsa.

“Saya tidak mahu perkara ini (perbezaan ideologi dan perebutan kuasa) berlaku lagi seperti bencana di Pantai Timur sebelum ini yang akhirnya mangsa banjir itu menjadi mangsa bukan hanya banjir dan bencana alam tetapi bencana perbuatan manusia dalam kalangan kita.

“Saya juga mahu semua jaba-

tan dan agensi mengetepikan punca kuasa masing-masing. Gaya pemikiran lama harus dikesampingkan dan yang penting apabila penyaluran dibuat oleh agensi pusat, semua pihak termasuk kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Majlis Daerah, Pegawai Daerah dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) disatukan supaya perebutan kuasa tidak lagi menjadi perbincangan utama,” katanya.

“**Saya tidak mahu perkara ini (perbezaan ideologi dan perebutan kuasa) berlaku lagi seperti bencana di pantai timur sebelum ini**”

**Ahmad Zahid Hamidi,**  
Timbalan Perdana Menteri

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis taklimat dan pameran Pelan Pengurusan Bencana Banjir kepada Ahli Parlimen dan Pegawai Daerah di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Ahmad Zahid turut menegaskan, tugas pengurusan bencana tidak lagi di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN), sebaliknya diselia oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) yang diletakkan di bawah Jawatankuasa Kabinet yang dipengeruskannya.

## **SOP diseragam.**

APBN katanya, diketuai oleh Datuk Zaitun Ab Samad selaku Ketua Pengarah, bagi menyelaraskan semua agensi dan jabatan berkaitan supaya prosedur operasi standard (SOP) menangani banjir diseragamkan.

“Semua agensi dan jabatan berkaitan perlu bersiap siaga dari awal kerana tidak mahu ada mangsa mengalami masalah terutama golongan warga tua dan kanak-kanak ketika berlakunya banjir,” katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, pemberian wang tunai RM500 kepada mangsa banjir juga harus dilaksanakan dengan sempurna bagi memastikan semua mangsa menerima bantuan terbabit.

“Langkah terbaik ialah mendaftarkan keluarga yang dijangka menjadi mangsa bencana dan sebahagian wang terbabit dijadikan sebagai pembayaran premium kepada syarikat insurans,” katanya.